

PELAN STRATEGIK KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN & INKLUSIF MODUL 1

RANGKA KERJA STRATEGIK
DALAM PEMBANGUNAN MAMPAN

DISEDIAKAN OLEH



KAFF CONSULTANT
"Where Vision Meet Action"





KENAPA KITA DISINI?

MEMAHAMI KEPERLUAN/OBJEKTIF DALAM PEMBANGUNAN STRATEGIK

Memastikan Tadbir Urus yang Baik: Mengamalkan prinsip tadbir urus yang telus dan bertanggungjawab untuk mencapai matlamat strategik; DAN

Meningkatkan Kecekapan Pentadbiran: Memastikan sistem pentadbiran kerajaan lebih cekap, telus, dan responsif terhadap keperluan rakyat.



APA YANG BERLAKU DI SEKELILING KITA?

Secara umumnya, keadaan di sekeliling dunia berada dalam ketidaktentuan dan juga cabaran-cabaran yang wujud tanpa persediaan yang rapi dan kukuh.


Oleh yang demikian, perancangan serta pelan yang strategik adalah perlu dalam memastikan organisasi mampu kekal relevan serta boleh beradaptasi dengan perubahan serta ekspektasi pelanggan.





RANGKA KERJA STRATEGIK DALAM PEMBANGUNAN MAMPAN

- Rangka kerja strategik dalam pembangunan mampan adalah penting untuk memastikan **keseimbangan antara pembangunan ekonomi, sosial, dan alam sekitar.**
- Di Malaysia, terdapat beberapa inisiatif dan dokumen yang berkaitan dengan pembangunan mampan:
 1. Pelan Tindakan Pembangunan Mampan Bandaraya Johor Bahru 2035: Dokumen ini menyediakan panduan untuk pembangunan bandaraya yang mampan, pintar, dan berdaya huni. Ia selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang merangkumi 17 matlamat global.
 2. Agenda Pembangunan Mampan 2030: Matlamat ini menjadi teras kepada penyediaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), yang mengintegrasikan SDG ke dalam dasar pembangunan nasional. Pendekatan ini menekankan kemampanan, kesejahteraan, dan perubahan iklim.



KENAPA PERLUNYA PELAN STRATEGIK?

Pelan strategik penting kerana ia menyediakan kerangka yang sistematik untuk mencapai matlamat organisasi atau negara dengan lebih teratur dan berkesan selaras dengan pembangunan semasa serta cabaran pembangunan masa hadapan.

SEBAB PERLUNYA PELAN STRATEGIK

Menyediakan Arah dan Fokus Jangka Panjang



- Membantu organisasi atau kerajaan menetapkan visi, misi, dan objektif yang jelas.
- Memberikan hala tuju yang konsisten bagi pembangunan dan pelaksanaan dasar.
- Memastikan usaha yang dilakukan selari dengan matlamat utama.

Mengoptimumkan Pengurusan Sumber



- Memastikan penggunaan sumber seperti kewangan, tenaga kerja, dan teknologi diurus dengan cekap dan berkesan.
- Mengelakkan pembaziran melalui perancangan yang sistematik.



SEBAB PERLUNYA PELAN STRATEGIK

Meningkatkan Keupayaan Adaptasi terhadap Perubahan



- Memberikan keupayaan kepada organisasi untuk bertindak balas terhadap cabaran baru seperti krisis ekonomi, perubahan teknologi, dan faktor politik.
- Membolehkan keputusan dibuat berdasarkan analisis yang kukuh dan data yang boleh dipercayai.

Memperkukuh Daya Saing dan Inovasi



- Membantu organisasi dalam mengenal pasti peluang baru dan mengurangkan risiko persaingan.
- Mendorong inovasi dengan mencipta strategi yang membolehkan organisasi kekal relevan dalam persekitaran yang dinamik.



SEBAB PERLUNYA PELAN STRATEGIK

Memastikan Akauntabiliti dan Ketelusan



- Membantu dalam pemantauan dan penilaian prestasi serta memastikan semua pihak berkepentingan bertanggungjawab terhadap keputusan yang dibuat.
- Memudahkan komunikasi dan penyelarasan antara pelbagai pihak, termasuk sektor awam dan swasta.

Membantu Pengurusan Risiko dan Ketidakpastian



- Mengurangkan kesan negatif yang mungkin berlaku dengan merancang tindakan mitigasi lebih awal.
- Memastikan organisasi bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan operasi.




PELAN STRATEGIK DALAM KONTEKS ORGANISASI KERAJAAN

Pelan strategik sangat penting bagi memastikan **pembangunan negara** berjalan dengan **lancar**, **meningkatkan kesejahteraan rakyat**, dan memacu ekonomi ke arah yang lebih **MAMPAN**



PELAN PEMBANGUNAN MALAYSIA



PEMBANGUNAN MAMPAN

MAKSUD

- Pembangunan mampan (atau pembangunan lestari) merujuk kepada proses pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keupayaan generasi masa depan untuk memenuhi keperluan mereka sendiri.
- Ia menggabungkan elemen ekonomi, sosial dan alam sekitar secara seimbang agar pembangunan dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang.



CIRI-CIRI PEMBANGUNAN MAMPAN



Pengekalan Alam Sekitar

- Mengurangkan pencemaran udara, air dan tanah.
- Mengawal penebangan hutan dan pemusnahan habitat semula jadi.
- Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti solar dan angin.



Keadilan Sosial

- Menyediakan peluang yang sama kepada semua lapisan masyarakat.
- Menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
- Memberikan akses kepada pendidikan, kesihatan dan pekerjaan yang baik.



Pertumbuhan Ekonomi Seimbang

- Menyokong pembangunan ekonomi yang inklusif dan berdaya tahan.
- Menggalakkan penggunaan sumber secara cekap.
- Mengutamakan inovasi dan teknologi hijau.

CIRI-CIRI PEMBANGUNAN MAMPAN



Penglibatan Komuniti

- Melibatkan masyarakat dalam proses perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan.
- Meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab sosial terhadap pemeliharaan alam sekitar.



Pengurusan Sumber Secara Bijak

- Mengurus sumber semula jadi seperti air, tanah dan tenaga secara berhemah.
- Mengamalkan kitar semula dan penggunaan semula bahan.
- Mengelakkan pembaziran sumber.



Ketahanan terhadap Perubahan Iklim

- Membangunkan infrastruktur yang mampu menahan bencana alam.
- Mengadaptasi kepada kesan perubahan iklim seperti kenaikan suhu dan paras laut.

APAKAH ITU SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)



MATLAMAT

Pelan global yang dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk membasmi kemiskinan, melindungi alam sekitar dan memastikan kesejahteraan sejagat menjelang tahun 2030.




BILA DIPERKENALKAN

Pada 25 September 2015, 193 negara di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu termasuk Malaysia telah bersetuju untuk menerima pakai Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan



SASARAN

SDG mengandungi 17 matlamat utama dan 169 sasaran khusus.



PEMANTAUAN

Majlis SDG Negara adalah mekanisme sangat penting dalam memastikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan SDG untuk mencapai objektif

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN



17

Matlamat

169

Sasaran

248

Indikator

- **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)**
 - Universal
 - Transformatif
 - *right based*
- **Komitmen politik**
 - 193 buah negara anggota PBB
 - September 2015
- **Prinsip Pelaksanaan**
 - Tiada Sesiapa Yang Tertinggal
- **Objektif**
 - menjamin pertumbuhan sosioekonomi yang mampan
 - keterangkuman sosial
 - melindungi alam sekitar
- **Modaliti**
 - Pendekatan Keseluruhan Kerajaan
 - Pendekatan Keseluruhan Masyarakat
 - Penyetempatan SDG

CONTOH PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK YANG MAMPAN

**MB ISKANDAR
PUTERI**



**MB PETALING
JAYA**



MD KAMPAR





Majlis Bandaraya Iskandar Puteri HALA TUJU DALAM TEMPOH 10 TAHUN

01 Mewujudkan identiti **komuniti sejahtera dan inklusif**

02 **Ekonomi berdaya saing** yang mengimbangi pergantungan kepada pasaran luaran dan kemandirian (*self-sufficiency*)



Pembangunan yang strategik bagi membentuk bandar mampan dan pintar yang sejahtera melalui pencapaian keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan pemeliharaan alam semula jadi. Berusaha untuk meningkatkan kecekapan penggunaan ruang (*space efficiency*) untuk memenuhi keperluan penduduk, keluarga dan perniagaan menjelang 2035

Pembangunan Strategik yang berbentuk fleksibel bagi membolehkan perancangan pembangunan mampan yang inovatif supaya dapat memupuk ciri-ciri setempat yang unik dan menghasilkan imej bertaraf antarabangsa.


03 Membentuk persekitaran **berdaya huni dan berdaya tahan** yang ideal untuk kehidupan keluarga

04 **Pengurusan Bandar berasaskan ESG** (*Alam Sekitar, Sosial Dan Tadbir Urus*)

VISI BANDAR PINTAR Bandar Berdaya Huni Menjelang 2035 Melalui Inisiatif Bandar Pintar Ke Arah Kesejahteraan Rakyat

- 7 ZON/ KAWASAN**
- ZON 1** : Iskandar Puteri Pusat Pentadbiran Negeri dengan pelbagai nod pembangunan berimpak tinggi
 - ZON 2** : Perling Petempatan (konvensional + moden) yang giat dibangunkan sejak tahun 1980an
 - ZON 3** : Skudai Petempatan yang dibangunkan dengan rancaknya sejak pembukaan Kampus UTM
 - ZON 4** : Impian Emas Kawasan yang terdedah kepada limpahan pembangunan dari Kulai, Skudai dan Senai
 - ZON 6** : Gelang Patah Petempatan pinggir bandar yang menerima tekanan pembangunan perindustrian;
 - ZON 7** : Tanjung Pelepas/ Tg. Kupang Pelabuhan Tg. Pelepas, perkampungan nelayan dan Forest City di bahagian selatan kawasan MBIP

Konsep pembangunan kawasan MBIP adalah fokus kepada **"Connected Polycentric Development"** atau **"Pembangunan Polisentrik yang Saling Berhubung"**.



Kerangka Pembangunan Strategik MBIP 2040



PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PETALING JAYA SMART, SUSTAINABLE AND RESILIENT 2030 (PJSSR 2030)

Sustainable Public Service Beyond City Administration



PJ SUSTAINABLE DEVELOPMENT JOURNEY



10 THEMATIK, KPI DAN PENCAPAIAN PJSSR 2030

LOW CARBON CITY

- 45%** Pengurangan Pelepasan Karbon
- 40%** Modal Split Pengangkutan Awam
- 10,000** Pokok Litupan besar 'Low Carbon Landscape'

CIRCULAR ECONOMY CITY

- 50%** Pengurangan Sisa Makanan
- 40%** Kadar Kitar Semula Sampah
- 10%** Pengurangan Pengeluaran Sisa Perkapit Per Kapita dan Tahun Sekitar

SAFE AND RESILIENT CITY

- 5%** Kadar Penurunan Jenayah
- 100%** Persekitaran Sekolah Selamat
- 80** Sekolah Menerima Pensijilan ISO 45001
- 5 Bintang** Kesemua Tandak Awam
- Gred A** Kesemua Premis Perniagaan Makanan
- 100%** Projek Mematuhi OSH
- >100 ekar** Underground Utility Tunnel

INCLUSIVE CITY

- 23** Accessible Town Centre
- Memuaskan** Indeks Bello Negara
- 0.1%** Penduduk Miskin Bandar
- 30%** Wanita Pembuat Dasar
- 100%** Pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas
- 50%** Peningkatan Dana dan Sumbangan PJ City Food Bank

CHILD FRIENDLY CITY

- UNICEF** Pengiktirafan Child Friendly City oleh UNICEF
- Berpusat** Kemudahan Pendidikan Komahiran Kanak-kanak
- 100%** Kejurangan Mempunyai Infrastruktur Kanak-kanak

LEARNING CITY

- Mengelakkan Status Bandar Pembelajaran UNESCO
- Platform** Menyediakan Portal Learning City
- Benchmark** PBT Rujukan bagi Learning City
- Penglibatan Keseluruhan Stakeholder bagi Pelaksanaan Program

ECONOMICALLY VIBRANT CITY

- >9.4%** Kadar Pertumbuhan Pelaburan Swasta
- >2.1%** Kadar Pertumbuhan Tenaga Buruh Setahun
- 100%** Penjaja Berlesen
- 100%** Pelaksanaan PJ City Food Valley
- 1100** Penyertaan Program Pembangunan Usahawan Mikro

SOCIETY 5.0 CITY

- 274** Komuniti Melaksanakan Inisiatif SDG/PJSSR
- 99%** 'Bahagia' bagi Indeks Kebahagiaan
- 100%** Penggunaan ICT dan IoT Bagi Program Komuniti
- PJ Kita @ The Spine (Community Hub)
- 100%** Komuniti menyertai PKKPI

SMART CITY

- 44** Kesemua 44 Dashboard Siap Dibangunkan
- 13** PJ Smart Centre dan Mini Smart Centre Siap Dibangunkan
- ISO Pensijilan** ISO 37122, ISO 37120 dan ISO 37123

E-GOVERNANCE CITY

- 100%** Digitalisasi Sistem perkhidmatan Majlis
- 5 Bintang** Sistem Penarafan Bintang
- 99%** Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan Majlis

SHARED VISION

CITY BIG DATA

BREAKING THE SILOS

CITY PERFORMANCE

PEOPLE CENTRIC



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)



PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)

- Sasaran baik pulih 4 buah rumah setahun
- Selaras dengan dasar Pelan Perak Sejahtera 2030 (Flagship 6 – membasmi miskin tegar)



PROGRAM & KEMPEN

- *Fun Run* peringkat kebangsaan sempena Tahun Melawat Perak 2024
- Kempen Kesedaran *Go Green* (kolaborasi Pejabat Pendidikan)
- Kempen Kesedaran Kesihatan & Derma Darah (kolaborasi Pejabat Kesihatan)
- Program Kongsi Rezeki – barangan keperluan harian



7 INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDKPR (BERMULA TAHUN 2013)

- Laluan pejalan kaki
- Laluan basikal
- Pengkomposan sisa
- Kebun kejiranan – 11 kebun komuniti dalam daerah
- SPAH (Penjimatan RM1,800.00/ setahun)
- E-waste
- Pengurangan Penggunaan Polisterina

- Master Plan laluan pejalan kaki & basikal MDKpr
- Kajian Localising Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP) laluan pejalan kaki & basikal (kolaborasi PLANMalaysia)



PELAKSANAAN PEMAKAIAN TENAGA BOLEH BARU (TBB)

- Solar panel di bangunan pentadbiran
- Tenaga solar penyiraman kebun kejiranan
- Tenaga solar pengcahayaan di dataran kejat

TAPAK PELUPUSAN

- Ke arah *sanitary landfill* tahap 4
- Penutupan selamat tapak pelupusan



PERBEZAAN PELAN STRATEGIK BIASA DAN PELAN STRATEGIK YANG MAMPAN

Aspek	Pelan Strategik Biasa	Pelan Strategik Mampan
Fokus Utama	Fokus kepada objektif jangka pendek atau keuntungan segera.	Fokus kepada objektif jangka panjang dengan mempertimbangkan impak sosial, ekonomi dan alam sekitar.
Pendekatan	Berorientasikan pencapaian individu atau keuntungan organisasi sahaja.	Pendekatan holistik yang melibatkan semua pihak berkepentingan (stakeholders).
Kriteria Kejayaan	Kejayaan diukur berdasarkan hasil kuantitatif seperti peningkatan keuntungan.	Kejayaan diukur berdasarkan keseimbangan antara keuntungan, kesejahteraan sosial, dan kelestarian alam sekitar.
Pengurusan Sumber	Penggunaan sumber secara intensif tanpa mengira impak jangka panjang.	Pengurusan sumber secara bijak dengan mempertimbangkan kelestarian ekologi.
Hubungan dengan Komuniti	Kurang melibatkan komuniti, lebih berpusat kepada organisasi.	Menekankan interaksi dan pembangunan komuniti sebagai elemen utama.
Risiko	Kurang menilai risiko alam sekitar dan sosial.	Menilai dan merancang untuk mengurangkan risiko sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

WAY FOWARD PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK

- ▶▶ INTEGRASI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)
- ▶▶ PENINGKATAN KECEKAPAN TADBIR URUS
- ▶▶ PENGURUSAN SUMBER SECARA BERKESAN
- ▶▶ PENGURUSAN RISIKO DAN KETAHANAN

